

Puisi

Roslan Jomel

Fitrah

Telah aku bertanya anak saudara
berusia 14 tahun, “di manakah Allah?”
Secara alamiah, dia menjawab “di atas langit.”
Alhamdulillah, betapa murni dan terpeliharanya
akidah, tanpa perlu mengaji buku-buku falsafah
atau berguru di depan Fakhruddin al-Razi. Tetapi kau
dengan songkok dan berlagak intelektual, berani
menguji sifat-sifat Tuhan, seolah-olah seperti makhluk
yang boleh diselak dan dimasuki akal Aristotles,
akhirnya jauh dibelit tipuan iblis
rusuh hidup kau memikul keraguan dan syubhat
terdampar dan mati di dunia tanpa beragama.

22 September 2023

Kuala Lumpur

Dia Tidaklah Sebijak Disangka

Manusia yang mempersonakan
bak permata langka terakhir
telah diangkat dari hanyutan lumpur
dengan tubuh berbau parasit
kutu, sisik dan lumut diasingkan
dia dikeringkan bawah matahari
kemudian disiram pewangi import
dan dihamparkan permaidani baldu
lalu diperkenalkan keajaibannya.

Cendekiawan dan sarjana bersepakat
memuji kelainan yang asli
pemikiran dari lelaki itu melangkaui adat
dengan jiwa bersalut eksistensialisme
kemudian dianugerah sanjungan
maka diselongkar mutiara dalam jantung
ternyata masih rapuh tidak berurat

daging berlendir kebiruan
dan keruh pandangan matanya.

Tentu ada yang silap di habitat
kerap berkurung dalam bilik gelap
tubuhnya berbau nikotin hangit
dipengaruhi ketidakpuasan jiwa muda
bakat ajaib telah dipergunakan politikus,
sementara buku-buku ditelaah setiap hari
ditulis oleh intelektual tidak bertuhan
hingga menghitamkan telapak tangannya
setiap kali menyentuh sejadah.

4 April 2024
Nu Sentral, Kuala Lumpur

Empesut

Kononnya belasan tahun
kau merantau sejauh KL
tidur dinaung menara dan bintang
mengikuti idea Rousseau serta intelektual Islam
sesekali pulang menginap di hotel,
tentu anggota tubuh dibaluti emas
hidup umpama anak bangsawan
kediaman peribadi di Damansara Height.

Tapi di tepi tasik Reservoir
urat hijau leher kau timbul
perti menjerit melepaskan lumut
yang melilit teras akal perasaan,
air bertakung kehijauan di sekeliling
tidak cukup menjernih liang kekeruhan
palsu hidup pemikiran Barat
siapa paling benar antara pendusta
melarat di bumi dan menyembah kaki Guru?

Di Bukit Bintang atau Metro City
kau bukan komponen masyarakat
yang menurut tali arus ke depan
tetapi seekor ikan empesut pascamoden
dada hitam dicemar nikotin bandar raya,
kini terdampar tanpa status dan KWSP

terusir dari habitat maritim
gagal sebagai manusia normal
sesuai diatitkan sistem dunia.

Kini kau spesies tua di KL
setelah tidak menjadi remaja di Kuching
gemuk diisi karamel dan seni pop
hulu hilir dari jalan Mcdougall ke Rubber
terperangkap di lorong Telawi
dan menyandar di kafe Nu Sentral,
mimpi menggulung pada bulu mata
lautan mulai kering berkerikil
akhirnya tinggal tulang di belakang masa.

18 November 2024
Kuching

Biodata Penulis:
Roslan Jomel

Roslan Jomel penulis kelahiran Kuching, Sarawak pada 25 Januari 1972. Menulis dalam pelbagai genre kesusasteraan. Dua buah kumpulan cerpennya memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM), iaitu *Selamat Datang ke Malaywood* (ITBM, 2012) (HSPM 2012) dan *Roden yang Cenderung Terjun dari Atas Bangunan* (ITBM 2017) (HSPM 2017/2018). Kumpulan cerpen *Serangga di dalam Kepala* (ITBM 2013) memenangi Sayembara Penulisan ITBM-PENA-BH 2013. Lebih 20 anugerah pernah diterimanya di peringkat negeri Sarawak secara tekal sejak 2004. Karya terkininya adalah kumpulan sajak *Empigit* (DBP 2022), kumpulan cerpen *Pujangga Kontemporari* (Nusa Centre 2023) dan Kumpulan esei *Oksigen* (PENA 2024). Beliau merupakan penerima Anugerah SEA Write 2024.